



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2016

ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(1A) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **DR. NOOR ZARI BIN HAMAT**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutorinya tidak kurang daripada lima belas peratus (15%) daripada untung bersih teraudit bagi tahun kewangan 2017 dan 2018 **kecuali** koperasi yang amaun Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran.

Bertarikh : 19 Oktober 2016

No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 (91)

(DR. NOOR ZARI BIN HAMAT)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia